



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING REKTOR

BILANGAN 9 TAHUN 2014

**KETETAPAN PENGGUNAAN MESIN FAKS BAHAGIAN/UNIT BAGI KEGUNAAN
STAF DAN PELAJAR UiTM CAWANGAN KEDAH**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai ketetapan penggunaan mesin faks bahagian/unit bagi staf dan pelajar UiTM Cawangan Kedah.

LATAR BELAKANG

2. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:
 - i. Makluman mengenai ketetapan penggunaan mesin faks di jabatan/bahagian/unit bagi staf dan pelajar di UiTM Cawangan Kedah.
 - ii. Makluman mengenai penggunaan mesin faks dari segi penerimaan surat/dokumen, faks ke luar dan faks urusan peribadi staf dan pelajar.

PELAKSANAAN

3. Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (BHEAA) hendaklah membenarkan pelajar menggunakan khidmat mesin faks bahagian sekiranya program/aktiviti tersebut di bawah kelulusan/program Hal Ehwal Akademik.
4. Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) termasuk unit-unit yang mempunyai mesin faks hendaklah membenarkan pelajar menggunakan khidmat mesin faks bahagian/unit masing-masing sekiranya program/aktiviti tersebut di bawah kelulusan/program Hal Ehwal Pelajar.

5. Pejabat Rektor hanya membenarkan penggunaan mesin faks bagi **program/aktiviti dalam Universiti yang melibatkan staf dan unit-unit di bawah Pejabat Rektor sahaja.**
6. Staf/pelajar yang menggunakan perkhidmatan faks ke luar dan penerimaan faks (sama ada surat/dokumen) **bagi urusan peribadi hendaklah membuat bayaran di Bahagian Kewangan** terlebih dahulu. Borang faks berserta resit hendaklah disimpan di jabatan/bahagian/unit yang berkenaan.
7. Ketetapan ini dibuat adalah berikutan Majlis Perjumpaan Rektor Bersama Staf Pentadbiran yang telah diadakan pada 15 Julai 2014 yang lalu.

TARIKH DIKELUARKAN

8. Pekeliling dikeluarkan pada 13 Ogos 2014.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada **1 September 2014.**



DR. ASMADI MOHAMMED GHAZALI

Rektor

UiTM Cawangan Kedah

Dikelilingkan Kepada:

Timbalan Rektor HEAA

Timbalan Rektor HEP

Timbalan Rektor PJI

Ketua Pusat Pengajian/Koordinator Jabatan/Kursus/Unit

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit

Semua Staf